

Ucapan Y.B. Menteri Pelajaran, Enche Hussein Onn
di-Upachara Merasmikan Sekolah Menengah Sungai Ara,
Pulau Pinang pada 15hb September 1971, jam 3.00 petang

Saya berasa bertuah dapat hadir di-upachara yang meriah pada petang ini iaitu upachara merasmikan pembukaan Sekolah Menengah Sungai Ara, Pulau Pinang yang berharga \$343,000.00 dan mempunyai 28 buah kelas serta kira2 1,000 orang penuntut.

Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Pengerusi dan Ahli2 Lembaga Pengelola, Guru Besar, Guru2 Ibu2 bapa dan penuntut2 sakalian kerana telah menjemput saya dan isteri saya hadir di-majlis pembukaan resmi pada petang ini.

Saperti yang tuan2 dan puan2 ketahui bahawa Rancangan Malaysia Kedua baharu sahaja di-lancharkan oleh Kerajaan dan rancangan ini mengandungi matlamat2 yang di-tuju dan di-ranchangkan serta tugas2 kerajaan yang hendak di-chapai dalam jangka masa lima tahun yang akan datang. Di-dalam rancangan perkembangan dan kemajuan pelajaran, suka-lah saya menyatakan di-sini bahawa yang telah di-chapai di-perengkat menengah, maktab dan universiti sangat-lah mengagumkan namun demikian masih banyak lagi yang akan Kementerian Pelajaran usahakan untuk memberi kemudahan2 pelajaran yang se-imbang di-mana sahaja anak2 kita itu berada sama ada di-bandar2 atau pun di-sekolah2 di-luar2 bandar.

Perubahan, kemajuan dan perkembangan mutu pelajaran dan juga pelajaran kanak2 di-sekolah2 sa-bahagian besar-nya bergantung kepada perusahaan, kemajuan dan perkembangan pada rupa2 bentuk sekolah itu sendiri dan guru2 yang mengajar di-sekolah2. Maka suka-lah saya mengumumkan di-sini bahawa dari sekarang hingga tahun 1972, Kementerian Pelajaran akan menjalankan 9 perojek baharu sekolah2 menengah dan rendah di-seluruh negeri Pulau Pinang iaitu mengadakan bilek2 darjah tambahan, pejabat2 guru besar, kantin, bilek2 guru, maamul sains, workshop dan lain2 kemudahan pelajaran yang di-jangka menelan belanja sebanyak \$404,000.00. Dengan ini, jelas-lah bahawa Kementerian Pelajaran dalam Rancangan Malaysia Kedua ini akan mengadakan lebih banyak kemudahan pelajaran kepada anak2 kita tanpa mengira asal keturunan mereka dan di-mana juga mereka itu berada di-negara kita ini.

Dengan ada-nya segala kemudahan ini, saya berharap dan menggesa tiap2 murid dan pelajar menggunakan kemudahan2 ini dengan sebaik2 dan sa-penoh2-nya untuk melengkapkan diri dengan segala ilmu pengetahuan yang di-kehendaki oleh zaman moden ini. Ilmu pengetahuan yang bakal di-perolehi oleh jenerasi muda kita ini akan menolong bukan sahaja diri sa-saorang itu malahan akan dapat menolong membangun dan memajukan negara yang sedang membangun dengan pesat-nya ini.

Sa-lain daripada peruntukan yang besar yang meliputi 9 perojek baharu sekolah2 menengah dan rendah di-negeri Pulau Pinang ini, satu daripada-nya termasuk-lah mengadakan sa-buah workshop dan padang permainan bagi Sekolah Menengah Sungai Ara, dan ini sika-lah saya menyatakan akan menelan belanja lebeh kurang \$45,000.00. Dengan itu, saya berharap Pengerusi dan Ahli2 Lembaga Pengelola serta semua pihak yang berkenaan di-sekolah ini akan berpuas hati.

Kerajaan dan ibu2 bapa pelajar2 mempunyai harapan yang tinggi terhadap sekolah ini. Kerajaan berharap daripada sekolah ini kelak akan timbul satu golongan jenerasi muda yang mempunyai chita2 tinggi lagi bertanggung jawab untok memikul peranan masing2 dalam usaha membangunkan negara.

Tugas ini memang berat bukan sahaja kepada pelajar2 malahan kepada guru2 serta ibu2 bapa oleh kerana pelajaran berkehendakkan kerjasama yang sa-penoh-nya dari semua pihak. Oleh yang demikian, saya berharap ibu2 bapa di-sini serta guru2 akan berganding bahu dan memimpin anak2 kita itu supaya mereka akan berjaya di-dalam pelajaran mereka masing2.

Sekian sahaja-lah yang dapat saya ucapkan pada petang ini dan saya bershukor kerana dapat peluang datang ka-Sungai Ara dan merasmikan sekolah ini dan di-samping itu bertemu muka dengan pelajar2, guru2 serta ibu2 bapa sakalian.

Maka dengan itu, saya dengan segala sukachita-nya merasmikan pembukaan Sekolah Menengah Sungai Ara, Pulau Pinang.



No. Siri	68
No. Penerimaan	68/80